

STATISTIK KES PENDERERAN KANAK-KANAK DI MALAYSIA : SATU ANALISIS

Norsaleha Mohd. Salleh
Pengarah Institut Kajian Hadis dan Akidah (INHAD)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
norsaleha@kuis.edu.my

Nabilah Huda Zaim
Calon Ph.D Islamiyat
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
nabilahhudaz@gmail.com

Zetty Nurzuliana Rashed
Dekan Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
zetty@kuis.edu.my

Noorhafizah Mohd Haridi
Ketua Jabatan Dakwah dan Usuluddin
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
noorhafizah@kuis.edu.my

Kamal Azmi Abd Rahman
Ketua Program Sarjana Muda Usuluddin dan Multimedia
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
kamalazmi@kuis.edu.my

Norbahiah Misran
Pengerusi Pusat Kejuruteraan Elektronik dan Komunikasi Terkehadapan (PAKET)
Fakulti Kejuruteraan Dan Alam Bina
bahiah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis statistik kes penderaan kanak-kanak di Malaysia. Penderaan kanak-kanak merupakan suatu pencabulan atau pelanggaran yang serius terhadap hak kanak-kanak untuk berkembang dalam keadaan sihat dan bermaruah di samping menyebabkan risiko dalam kelangsungan hidup mereka. Penderaan ini dapat diklasifikasikan kepada empat jenis penderaan yang utama iaitu penderaan fizikal, emosi, seksual serta pengabaian. Pengabaian ini terbahagi kepada pengabaian pengawasan, pengabaian hak asasi serta lain-lain pengabaian. Sejak kebelakangan ini, banyak kes berkaitan penderaan kanak-kanak telah dilaporkan. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan analisis dokument terhadap laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) dalam tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2013 hingga 2017. Kajian menunjukkan kes penderaan di Malaysia semakin meningkat pada setiap tahun, terutamanya pada tahun 2017 yang mencatatkan sebanyak 5537 kes. Kajian juga mendapat kategori pengabaian hak asasi, penderaan fizikal serta penderaan seksual direkodkan sebagai kes penderaan tertinggi. Manakala kanak-kanak perempuan yang mengalami penderaan seksual mencatatkan golongan tertinggi didera iaitu sebanyak 1279 kes pada tahun 2017. Kajian juga mendapat kebanyakan penderaan kanak-kanak adalah berpuncak daripada institusi keluarga yang bermasalah, masalah kewangan, tekanan di tempat kerja dan kurangnya pengetahuan terhadap agama. Kajian ini diharapkan dapat membuka mata masyarakat serta pihak berautoriti untuk diambil perhatian serius terhadap kes penderaan kanak-kanak. Kajian ini juga mencadangkan agar pihak berautoriti seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dapat mewujudkan Garis Panduan Keluarga Sejahtera di samping latihan dan kursus keibubapaan dipertingkatkan di seluruh negara.

Kata kunci : Penderaan, Kanak-Kanak, Seksual, Statistik, Wanita

PENGENALAN

Kanak-kanak merupakan seseorang yang di bawah umur 18 tahun menurut definisi yang termaktub di dalam Akta Kanak-Kanak 2001. Kanak-kanak merupakan anugerah istimewa dalam sesebuah institusi keluarga. Malah, setiap kanak-kanak ini merupakan aset penting buat negara dan masyarakat dalam menentukan corak pembangunan negara pada masa hadapan. Mereka ini wajar diberikan perlindungan dan penjagaan di samping kasih sayang dan perhatian yang menjadi tunjang utama dalam sesebuah institusi keluarga. Walau bagaimanapun, berita tentang kes penderaan terhadap kanak-kanak oleh ibu bapa dan keluarga sendiri

sering dilaporkan oleh media arus perdana. Sepatutnya, ibu bapa merupakan orang yang bertanggungjawab melindungi kanak-kanak serta memastikan rumah mereka dalam keadaan selamat dan sejahtera daripada ancaman anasir luar.

Menurut Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara, penderaan kanak-kanak didefinisikan sebagai satu pencabulan atau pelanggaran yang serius terhadap hak kanak-kanak untuk berkembang dalam keadaan sihat dan bermaruah di samping menyebabkan risiko dalam kelangsungan hidup mereka. Perkara ini bakal merosakkan kehidupan serta masa depan mereka apakah lagi masa depan negara. Sedar atau tidak, negara kini berhadapan dengan satu persoalan besar tentang tahap kelangsungan hidup generasi hari ini disebabkan krisis yang melanda kanak-kanak dari pelbagai sudut termasuklah penderaan (Zasmani 2003). Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara menggariskan empat jenis penderaan kanak-kanak iaitu penderaan fizikal, penderaan emosi, penderaan seksual serta pengabaian.

Penderaan fizikal membawa maksud apabila seseorang kanak-kanak yang dicederakan dari segi fizikal menyebabkan kecederaan tersebut boleh dilihat pada mana-mana bahagian tubuh kanak-kanak itu akibat kekerasan atau penggunaan agen yang disengajakan kepada tubuh kanak-kanak itu (Akta Kanak-kanak 2001). Ia juga boleh diertikan dengan keganasan secara fizikal, tindakan ini boleh menyebabkan kecederaan otak, lebam yang teruk, kecacatan anggota tubuh, retak, patah tulang, lecur atau terbakar, dicucuh dengan puntung rokok dan sebagainya (Alavi et. al 2012). Penderaan jenis ini boleh terjadi disebabkan tumbukan, tamparan, sepakan, gigitan, gonicangan, pukulan, cengkaman atau sebarang bentuk yang mencederakan sama ada dengan niat atau tanpa niat (Kementerian Kesihatan Malaysia, UNICEF 2010).

Penderaan emosi pula dapat didefinisikan apabila seseorang kanak-kanak dicederakan dari segi emosi yang menyebabkan gangguan yang boleh dilihat pada fungsi mental atau emosi kanak-kanak itu seperti kecelaruan mental atau tingkah laku, keresahan, kemurungan, penyendirian dan perkembangan lambat (Akta Kanak-Kanak 2001). Walaupun penderaan jenis ini agak sukar untuk dibuktikan namun secara umumnya ia boleh terjadi apabila seseorang kanak-kanak mengalami kritikan berterusan, ugutan, penolakan serta ketiadaan kasih sayang, sokongan atau bimbingan (Kementerian Kesihatan Malaysia, UNICEF 2010). Penderaan emosi juga mempunyai hubungkait yang rapat dan boleh terjadi akibat kesan daripada jenis penderaan-penderaan lain.

Penderaan seksual menurut Akta Kanak-Kanak (2001) boleh diertikan apabila seseorang kanak-kanak teraniaya dari segi seks jika dia mengambil bahagian, sama ada sebagai peserta atau pemerhati, dalam apa-apa aktiviti yang berunsur seks bagi apa-apa maksud atau eksplorasi seks oleh mana-mana orang bagi memuaskan nafsu seks orang itu atau orang lain. Jenayah ini melibatkan sebarang aktiviti yang bermaksud untuk mendapat kepuasan dan memenuhi kehendak orang dewasa atau kanak-kanak remaja di mana mengikut umur atau perkembangan boleh mengambil tanggungjawab dan dipercayai. Hal ini termasuk mempengaruhi atau memaksa kanak-kanak dalam aktiviti seksual yang bertentangan dengan undang-undang seperti menyentuh bahagian sulit kanak-kanak, bersetubuh, sumbang muhrim, merogol, meliwat, mendedahkan kemaluan serta eksplorasi komersial melalui pelacuran atau penghasilan gambar lucu (Kementerian Kesihatan Malaysia, UNICEF 2010).

Pengabaian pula merujuk kepada kegagalan secara berterusan dan serius untuk menyediakan keperluan asas fizikal, emosi dan pembangunan dari segi kesihatan, pendidikan, perkembangan emosi, nutrisi, tempat perlindungan dan kehidupan yang selamat untuk kanak-kanak. Pengabaian boleh mendedahkan kanak-kanak kepada segala bentuk bahaya, termasuk mengancam nyawa mereka (Akta Kanak-Kanak 2001, UNICEF 2010). Pengabaian dari sudut fizikal antaranya adalah kegagalan menyediakan makanan, tempat perlindungan, pengawasan yang teliti, perubatan serta pendidikan dan peyeliaan. Manakala pengabaian dari sudut emosi termasuk kurang perhatian terhadap keperluan emosi anak serta kegagalan menyediakan penjagaan psikologi (Kementerian Kesihatan Malaysia). Kanak-kanak yang ditinggalkan tanpa diawasi, ditinggalkan dalam kereta, terjatuh dari *escalator*, terjatuh dari bangunan, serta membiarkan kanak-kanak keluar secara bersendirian merupakan antara contoh kes penderaan yang termasuk dalam kategori pengabaian dan kecuaian ini.

Berdasarkan definisi jenis-jenis penderaan yang telah disebutkan di atas, dapat disimpulkan bahawa penderaan tidak kira sama ada dalam bentuk fizikal, emosi, seksual maupun pengabaian boleh membawa kepada kesan yang sangat buruk kepada mangsa di kalangan kanak-kanak, apakah lagi masa depan mereka dan negara. Walau bagaimanapun, berita demi berita berkaitan penderaan kanak-kanak yang menyayat dan menyentak hati bagaiakan tiada hentinya apabila saban hari dipaparkan di akhbar-akhbar tempatan. Pada tahun 2017, Malaysia dikejutkan dengan kes pengabaian kanak-kanak paling menyedihkan apabila seorang ibu sanggup mengurung anaknya selama dua tahun dalam sebuah bilik tanpa makanan dan jagaan yang sewajarnya. Pada 14 Mac 2018 seorang kanak-kanak meninggal dunia akibat seorang ibu terlupa dan meninggalkan mangsa dalam kereta tanpa sengaja. Pada 19 April 2018, media arus perdana melaporkan tentang kes seorang remaja perempuan yang berusia 16 tahun telah diperkosa oleh ayah tirinya sehingga mengandung. Kejadian itu berterusan semenjak enam tahun yang lalu mengakibatkan remaja tersebut ketagih seks dan melakukan perbuatan itu bersama teman lelakinya juga. Pada 18 Jun 2018, akhbar arus perdana melaporkan tentang kes seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun telah dikelar ibu kandungnya sehingga membawa kematian. Pada 27 Jun 2018, seorang ibu telah melempar bayi yang baru dilahirkan daripada kediamannya di tingkat dua sehingga mengakibatkan kematian.

Kes-kes yang dilaporkan melibatkan penderaan seksual, fizikal, emosi dan pengabaian meningkat pada setiap tahun. Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau statistik penderaan kanak-kanak dalam tempoh lima tahun iaitu daripada tahun 2013 hingga ke tahun 2017 dan juga faktor-faktor yang mendorong berlakunya penderaan tersebut.

KEDUDUKAN KANAK-KANAK DALAM UNDANG-UNDANG SIVIL DAN ISLAM

Secara umumnya, terdapat empat hak utama kanak-kanak yang telah diklasifikasikan oleh SUHAKAM berdasarkan Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1989. Konvensyen yang menyenaraikan 54 artikel ini adalah bertujuan untuk mendorong pihak kerajaan

supaya lebih bertanggungjawab untuk kesejahteraan kanak-kanak sebagai mengiktiraf hak mereka. Penyusunan terhadap empat klasifikasi daripada senarai 54 artikel ini adalah bertujuan untuk menggambarkan hak kanak-kanak secara tersusun (Pathmanathan & Hajar 2010). Hak tersebut meliputi hak kehidupan, hak perkembangan, hak perlindungan serta hak penyertaan (Suhakam 2005).

Hak kehidupan ini disebut melalui artikel-artikel di dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak berkaitan hak kehidupan dan perkembangan, hak memelihara identiti, hak tidak dipisahkan daripada ibu bapa, hak kesihatan melalui kemudahan dan perkhidmatan, hak keselamatan sosial dan hak taraf hidup tentang tempat tinggal, pakaian dan keperluan lain (Pathmanathan & Hajar 2010). Manakala hak perkembangan pula disimpulkan dari sebutan artikel yang berkaitan dengan pendidikan yang melibatkan pendidikan sekolah rendah, sekolah menengah, kolej atau universiti serta kemahiran teknik. Matlamat pendidikan yang menyentuh tentang personaliti, bakat, kebolehan dan perkembangan mental serta kebolehan fizikal kanak-kanak turut menjadi intipati hak perkembangan ini di samping kemudahan untuk mengakses maklumat (Pathmanathan & Hajar 2010).

Dari sudut hak perlindungan kanak-kanak, terma ini didapati dalam artikel yang berkaitan hak kanak-kanak untuk tidak dieksloitasi yang melibatkan keganasan, penderaan, seks serta pengeksplotasi lain. Selain itu, perlindungan kanak-kanak tanpa keluarga, pengangkatan, kanak-kanak OKU, buruh kanak-kanak, penyalahgunaan dadah, pemulihan akhlak, keadilan juvana, penempatan semula serta tanggungjawab ibu bapa turut menjadi asas bagi kategori hak perlindungan ini. Dasar Perlindungan Kanak-Kanak 2009 juga dilihat turut menekankan aspek perlindungan terhadap pengabaian, penderaan, keganasan dan eksplorasi terhadap kanak-kanak. Adapun hak penyertaan pula melibatkan peluang kanak-kanak untuk menyatakan pendapat serta hak untuk terlibat dalam aktiviti rekreasi dan kebudayaan (Norazla 2017, Pathmanathan & Hajar 2010). Dalam Konvensyen Hak Kanak-Kanak juga, kanak-kanak diberi hak untuk didengari dalam apa-apa prosiding yang melibatkan kepentingan mereka termasuklah prosiding undang-undang dan pentadbiran. Di samping itu, hak kanak-kanak turut diiktiraf untuk memberikan keterangan di dalam prosiding undang-undang sama ada sebagai mangsa atau saksi bagi kes-kes seperti perceraian, penjagaan anak-anak serta keganasan rumah tangga (Norazla 2017).

Manakala kedudukan kanak-kanak dalam Islam merujuk kepada ayat-ayat dalam al-Quran al-Karim, hadis Rasulullah SAW serta pandangan para sahabat dan ulama. Zainab (2008) telah menggariskan empat (4) hak kanak-kanak dalam Islam. Hak pertama (1) adalah bermula dari pemilihan pasangan hidup yang baik bagi melahirkan dan membesarakan zuriat agar terus mentauhidkan Allah SWT. Pemilihan pasangan hidup yang baik dan soleh dikira penting dalam Islam adalah bagi memastikan kesejahteraan kanak-kanak tersebut apabila telah dilahirkan dan dibesarkan. Hak kedua (2) adalah menyediakan suasana aman dan selesa untuk meneruskan kehidupan sebagaimana asas hubungan dalam institusi keluarga. Rasa aman dan selamat penting bagi mencapai sakinah (ketenangan), mawaddah (kasih sayang) serta rahmah (belas ehsan) dalam rumah tangga. Hal ini dapat dicapai apabila kedua ibu bapa memainkan peranan masing-masing dan memahami konsep nafkah dan perlindungan bagi pihak bapa serta penjagaan dan didikan daripada ibu. Malah, peranan ini memerlukan kerjasama dan saling bantu - membantu di antara satu sama lain (Zainab 2008).

Hak ketiga (3) dalam Islam adalah untuk mendapat perlindungan dan pemeliharaan untuk mereka terus hidup. Tidak seperti masyarakat Arab jahiliyyah yang membunuh anak-anak perempuan disebabkan mitos anak perempuan membawa kecelakaan. Kanak-kanak seharusnya diberi peluang untuk terus hidup kerana nyawa mereka terpelihara serta milik Pencipta dan ummah. Malah golongan inilah yang bakal menyambung tugas memakmurkan bumi (Zainab 2008). Disebabkan itu, Islam melarang perbuatan menggugurkan janin dengan sengaja dan tanpa sebab. Hak keempat (4) bagi kanak-kanak adalah penjagaan hak maknawi dan material. Hak maknawi dan material yang dimaksudkan adalah hak pengiktirafan nasab dan keturunan, hak mendapat penyusuan, hak mendapat nafkah, harta perwarisan, hak asuhan (hadhanah), penjagaan yang baik, hak didikan dan penyempurnaan akhlak serta adab (Zainab 2008).

Berdasarkan hak-hak tersebut, jelas menunjukkan undang-undang Islam dan sivil mempunyai persamaan dalam isu memelihara hak kanak-kanak untuk terus hidup serta dijaga dan dididik dengan baik. Menurut al-Ghazali (2007) dan Abdullah Nasih Ulwan (t.th) setiap anak-anak merupakan amanah dan tanggungjawab ibu bapa. Ibu bapa bertanggungjawab mencorakkan kehidupan anak dengan memberikan pendidikan yang sempurna dan sewajarnya. Abdullah Nasih Ulwan (t.th) telah menggariskan tujuh (7) aspek pendidikan yang dipertanggungjawabkan kepada ibu bapa untuk dilaksanakan terhadap kanak-kanak. Tujuh aspek tersebut adalah pendidikan akidah, akhlak, fizikal, mental, emosi, sosial, dan seksual. Manakala Dr Halim al-Muhammadi (1991) membahagikan pendidikan kanak-kanak kepada tiga bahagian iaitu aspek rohani yang merangkumi pendidikan ibadah dan adab, aspek akal serta aspek jasmani. Kajian Hanifah (2010) pula telah merumuskan lapan aspek yang perlu dititikberatkan dalam pendidikan anak-anak iaitu aspek aqidah, ibadah, akhlak, fizikal, intelektual, emosi serta sosial.

Justeru, kanak-kanak yang merupakan permata agama dan negara ini sewajarnya mendapat asuhan dan didikan yang sebaiknya di rumah mereka, disamping mendapat pemeliharaan dan penjagaan yang rapi. Persiapan golongan ini sebagai pemimpin yang bakal mencorakkan negara suatu hari nanti adalah bermula dari rumah ibu bapa dan keluarga yang baik dan sejahtera. Kesejahteraan keluarga ini amat penting untuk dibina oleh setiap institusi keluarga. Hal ini adalah disebabkan ia mempunyai hubung kait yang rapat dengan pembangunan sosial dan ekonomi negara (Noraini et al. 2012). Sekiranya institusi keluarga di Malaysia bermasalah, masyarakat dan negara akan turut menerima kesan buruknya, begitu juga sebaliknya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis dokumen terhadap laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2013 hingga 2017. Kajian telah merujuk pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta portal jabatan untuk memperoleh data lengkap berkaitan dengan statistik penderaan kanak-kanak dalam

tempoh lima (5) tahun. Data tersebut mengandungi maklumat lengkap bagi setiap jenis penderaan menurut peruntukan Seksyen 17, Bahagian V dalam Akta Kanak-Kanak 2001 termasuklah jantina mangsa yang terlibat, lokasi kejadian serta faktor penderaan. Data dianalisis mengikut tahun kejadian dengan membuat perbandingan antara setiap tahun yang berlaku. Analisis juga dilakukan terhadap jantina mangsa dan mendapatkan kanak-kanak perempuan antara mangsa yang paling ramai mengalami penderaan seksual.

DAPATAN KAJIAN

Analisis dilakukan berdasarkan laporan kes penderaan kanak-kanak yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Berikut adalah statistik yang menunjukkan kes penderaan yang dilaporkan mengikut jenis kes dalam tempoh lima (5) tahun daripada tahun 2013 sehingga 2017.

Jadual 1: Statistik Penderaan Kanak-Kanak di Malaysia dari tahun 2013-2017

Jenis Penderaan	2013			2014			2015			2016			2017		
	L	P	J	L	P	J	L	P	J	L	P	J	L	P	J
Jantina kanak-kanak															
Penderaan Fizikal	570	564	1134	639	578	1217	584	583	1167	738	565	1303	866	762	1628
Penderaan Emosi	21	35	56	21	38	59	25	47	72	37	61	98	23	38	61
Penderaan Seksual	64	1029	1093	60	924	984	57	921	978	56	978	1038	118	1279	1397
Pengabaian pengawasan	76	341	417	48	402	450	36	349	385	38	400	438	110	305	415
Pengabaian hak asasi	551	525	1076	678	631	1309	826	690	1516	913	914	1827	945	879	1824
Lain-lain pengabaian	173	103	276	133	143	276	155	180	335	139	143	282	71	100	171
Jumlah mengikut jantina	1455	2664		1579	2716		1683	2770		1921	3061		2174	3363	
Jumlah kes penderaan	4119			4295			4453			4982			5537		

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Jadual 1 menunjukkan statistik kes penderaan kanak-kanak di Malaysia yang dilaporkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dari tahun 2013 sehingga tahun 2017. Berdasarkan jadual tersebut, secara umumnya dapat dilihat kes penderaan yang dialami oleh kanak-kanak di Malaysia terbahagi kepada enam kategori iaitu penderaan fizikal, emosi, seksual serta pengabaian. Penderaan dari aspek pengabaian pula terbahagi kepada tiga (3) iaitu pengabaian pengawasan yang mendatangkan kecederaan, penganiayaan kepada kanak-kanak serta pengabaian tanggungjawab yang sewajarnya kepada kanak-kanak. Manakala lain-lain kategori kes penderaan pengabaian juga melibatkan kanak-kanak yang diabaikan secara langsung atau tidak langsung oleh ibu bapa atau penjaga mereka.

Setiap kategori penderaan ini disusun daripada peruntukan-peruntukan Bahagian V, Akta Kanak-Kanak 2001 di bawah Seksyen 17, iaitu Kanak-Kanak yang memerlukan Pemeliharaan dan Perlindungan. Kategori penderaan fizikal terbina daripada Seksyen 17(1)(a) i dan Seksyen 17(1)(b) i manakala kategori penderaan emosi merupakan gabungan Seksyen 17(1)(a) ii dan Seksyen 17(1)(b) ii. Bagi kategori penderaan seksual pula terdiri daripada Seksyen 17(1)(a) iii dan 17(1)(b) iii dan pengabaian pengawasan terdiri daripada Seksyen 17(1)(c). Pengabaian hak asasi merupakan terjemahan daripada Seksyen 17 (1)(d) dan lain-lain pengabaian diasaskan daripada gabungan Seksyen 17(1)(e), (f),(g),(h),(i),(j) dan (k). Setiap gabungan peruntukan tersebut ditambah bagi menghasilkan jumlah penderaan mengikut kategori yang telah dinyatakan.

Statistik menunjukkan jumlah kes penderaan kanak-kanak di Malaysia semakin meningkat dari tahun ke tahun. Peningkatan kes bertambah sebanyak 179 kes daripada 4119 kes pada tahun 2013 kepada 4295 kes pada tahun 2014. Kes penderaan terus meningkat pada tahun 2015 dengan catatan sebanyak 4453 kes. Manakala pada tahun 2016 berlaku peningkatan mendadak sebanyak 529 kes iaitu dengan peningkatan sebanyak 4982 kes. Pada tahun 2017 jumlah kes semakin meningkat sebanyak 555 kes di mana 5537 kes telah dilaporkan pada tahun tersebut. Hal ini sekaligus menjadikan jumlah keseluruhan kes pada tahun tersebut merupakan jumlah kes yang tertinggi dicatatkan. Semua kes ini merangkumi kes penderaan dari pelbagai kategori iaitu penderaan fizikal, emosi, seksual serta pengabaian dari semua aspek dari tahun 2013 hingga ke tahun 2017. Angka yang semakin meningkat ini menunjukkan kes penderaan yang berlaku di Malaysia adalah semakin tinggi dan perlu ditangani dengan kadar yang segera. Kajian juga menunjukkan kanak-kanak perempuan merupakan kes yang paling ramai menjadi mangsa jenayah penderaan seksual berbanding kanak-kanak lelaki. Namun begitu, bagi kes penderaan yang lain julat perbezaan antara kanak-kanak perempuan dan lelaki adalah tidak jauh berbeza.

Jenis Penderaan Kanak-Kanak Di Malaysia

Berdasarkan statistik yang telah dilaporkan, jenis-jenis penderaan kanak-kanak di Malaysia dianalisis bagi mengenalpasti secara khusus kategori kes yang mengalami peningkatan serta rekod yang tinggi untuk diberikan perhatian. Di samping itu, analisis jenis penderaan mengikut jantina kanak-kanak turut dijalankan. Jenis-jenis penderaan tersebut meliputi penderaan fizikal, penderaan emosi, penderaan seksual serta pengabaian. Jenis pengabaian pula terdiri daripada pengabaian pengawasan, pengabaian hak asasi serta lain-lain pengabaian. Analisis dibuat dalam tempoh 5 tahun kebelakangan bagi mendapatkan gambaran situasi terkini berkaitan kes penderaan kanak-kanak di Malaysia.

Penderaan Fizikal

Antara kes yang tertinggi menyumbang kepada jumlah besar kes penderaan kanak-kanak adalah dari kategori penderaan fizikal. Penderaan fizikal yang membawa kepada kecederaan tubuh badan kanak-kanak ini diperhatikan meningkat dari tahun 2013 ke tahun 2014 dengan peningkatan kes sebanyak 83 kes daripada 1134 kes kepada 1217 kes, kemudian mengalami penurunan kes sebanyak 50 kes dengan jumlah 1167 kes pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, angka ini mencatatkan kenaikan lebih dua kali ganda pada dua tahun berikutnya, di mana pada tahun 2017, kes penderaan fizikal meningkat sebanyak 325 kes dengan jumlah sebanyak 1628 kes berbanding tahun 2016 sebanyak 1303 kes. Kajian daripada aspek jantina menunjukkan kanak-kanak lelaki lebih tinggi menerima penderaan berbanding kanak-kanak perempuan.

Hal ini mungkin disebabkan kanak-kanak lelaki adakalanya bertindak melawan kata-kata atau perbuatan ibu bapanya yang menyebabkan pemangsa menjadi lebih bertindak di luar kawalan. Telah banyak laporan daripada akhbar dan media massa menunjukkan kesan penderaan fizikal terhadap mangsa bukan sahaja boleh membawa kepada kerosakan organ, otak dan tubuh badan kanak-kanak, malah kesan penderaan fizikal juga boleh membawa kepada kematian. Sehubungan itu, penderaan jenis ini perlu ditangani segera dalam mencegah kes kematian kanak-kanak dari semasa ke semasa.

Penderaan Emosi

Berdasarkan Jadual 1, penderaan emosi merupakan kes penderaan yang mencatatkan rekod paling rendah dilaporkan sepanjang lima tahun kebelakangan ini. Bermula dengan 56 kes pada tahun 2013 dan 59 kes pada tahun 2014, penderaan emosi dilihat semakin meningkat pada tahun 2015 iaitu dengan catatan 72 kes. Angka ini terus menunjukkan peningkatan sebanyak 98 kes pada tahun 2016. Walau bagaimana pun, kes penderaan emosi pada tahun 2017 mencatatkan penurunan dengan jumlah 61 kes. Bacaan ini diharapkan akan terus berkurangan pada masa akan datang. Manakala dari sudut jantina, penderaan emosi lebih banyak dialami oleh kanak-kanak perempuan berbanding kanak-kanak lelaki. Hal ini dibuktikan melalui statistik saban tahun yang menunjukkan kanak-kanak perempuan sentiasa merekodkan catatan yang lebih tinggi daripada kanak-kanak lelaki.

Walaupun mempunyai rekod yang rendah, penderaan emosi merupakan bentuk penderaan yang tidak boleh dipandang sebelah mata oleh masyarakat dan pihak berautoriti. Hal ini adalah disebabkan kesan kepada penderaan emosi yang merupakan trauma terselindung ini adalah sama buruknya dengan jenis penderaan-penderaan lain seperti penderaan fizikal dan seksual. Malah, semua jenis penderaan sama ada secara fizikal, seksual atau pengabaian penjagaan tidak dapat dipisahkan daripada aspek penderaan emosi. Di samping itu, penderaan emosi turut berlaku secara bersendirian. Jika penderaan emosi berlaku bersama-sama penderaan lain, kesannya terhadap emosi akan menjadi lebih serius, mendalam dan berpanjangan (Kasmini 1998). Antara kesan negatif yang boleh menimpa kanak-kanak melalui penderaan emosi adalah gangguan psikiatri, perkembangan fizikal serta perkembangan psikologi (Noorjannah 2014).

Penderaan Seksual

Di samping kes penderaan fizikal, jenis penderaan yang turut menunjukkan kes tertinggi yang direkod pada setiap tahun adalah penderaan seksual, terutama terhadap kanak-kanak perempuan. Statistik menunjukkan berlaku penurunan dan peningkatan kes sepanjang tahun 2013 hingga tahun 2017. Laporan penderaan seksual telah mencatatkan rekod sebanyak 1093 kes pada tahun 2013, diikuti 984 kes pada tahun 2014 serta 978 kes pada tahun 2015. Namun begitu, jumlah penderaan seksual meningkat secara mendadak pada tahun 2016 kepada 1038 kes dan 1397 kes pada tahun 2017. Kajian juga menunjukkan penderaan seksual lebih banyak dialami oleh kanak-kanak perempuan berbanding kanak-kanak lelaki. Statistik turut menunjukkan kes penderaan seksual khusus terhadap kanak-kanak perempuan merupakan kes tertinggi yang berlaku mengatasi jenis-jenis penderaan lain. Hal ini bermakna kes gangguan seksual merupakan kes paling kritis yang perlu diambil perhatian sewajarnya.

Penderaan seksual membawa kesan yang mendalam terhadap kanak-kanak, terutamanya kepada pemikiran, emosi dan tingkah laku (Sharif & Diyana 2012). Di samping kesan psikologi seperti tekanan atau stres, kemurungan serta trauma, penderaan seksual yang membawa kepada kehamilan akan menjadikan kanak-kanak akan sentiasa dibayangi dan dihantui perbuatan terkutuk yang dilakukan oleh ahli keluarganya sama ada bapa, abang, bapa saudara, datuk atau penjaga kanak-kanak tersebut sepanjang hayatnya. Mangsa diselubungi perasaan takut, kecewa, berasa diri berada dalam ancaman, ingatan yang berulang-ulang terhadap peristiwa tersebut dan perasaan bersalah terhadap diri sendiri yang agak keterlaluan. Malah, kebanyakan mereka merasakan tiada lagi makna untuk meneruskan kehidupan. Sokongan sosial dan moral terhadap mangsa penderaan seksual perlu diberikan sebaiknya oleh mereka yang berada di persekitaran mangsa (Sharif & Diyana 2012; Abdul Razak & Norliza, t.th).

Pengabaian Pengawasan

Pengabaian pengawasan merujuk kepada kecuaian ibu bapa atau penjaga dalam mengawasi dan mengawal anak-anak daripada tercedera atau teraniaya. Berdasarkan Jadual 1, terdapat peningkatan dan penurunan angka dalam statistik penderaan pengabaian pengawasan sepanjang tahun 2013 hingga tahun 2017. Pada tahun 2013, kategori ini mencatatkan 417 kes dilaporkan manakala pada tahun 2014, berlaku peningkatan dengan jumlah 450 kes dilaporkan. Walau bagaimanapun, pada tahun-tahun berikutnya, kes pengabaian pengawasan semakin berkurangan dengan catatan 385 kes pada tahun 2015, 438 kes pada tahun 2016 serta 415 kes pada tahun 2017. Kes pengabaian pengawasan ini lebih banyak dialami oleh kanak-kanak perempuan berbanding kanak-kanak lelaki menerusi rekod yang dilaporkan pada setiap tahun.

Pengabaian dari sudut pengawasan atau kawalan ini termasuklah ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu telah mengabaikan atau tidak berupaya untuk menjalankan pengawasan dan pengawalan yang sepatutnya. Begitu juga bagi ibu bapa yang bertindak cuai dalam menjalankan tanggungjawab kawalan dan pengawasan terhadap anak-anak turut termasuk dalam kategori pengabaian ini. Pengurangan kes pengabaian pengawasan yang dilaporkan menunjukkan kesedaran ibu bapa dalam mengawasi anak-anak semakin bertambah dan lebih berhati-hati berkemungkinan disebabkan perubahan arus dan zaman yang semakin moden ini menjadikan cara pengawasan dan pengawalan terhadap kanak-kanak harus diubah. Penurunan kes ini juga mungkin disebabkan penjaga dan ibu bapa semakin peka dan prihatin terhadap isu keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak. Begitu juga peningkatan kesedaran di peringkat kerajaan melalui media massa, media sosial dan peningkatan penguatkuasaan yang dilaksanakan pihak polis juga menyumbang kepada penurunan kadar tersebut.

Pengabaian Hak Asasi

Berdasarkan laporan daripada kementerian juga, kes yang menjadi penyumbang utama kepada jumlah kes penderaan di Malaysia pada setiap tahun adalah daripada kategori pengabaian dari sudut hak asasi. Penderaan jenis ini merekodkan kes tertinggi pada setiap tahun secara berturut-turut semenjak tahun 2013 iaitu dengan catatan kes 1076. Angka ini terus menunjukkan peningkatan pada tahun 2014 iaitu dengan catatan 1309 kes, 1516 kes pada tahun 2016 serta 1827 kes pada tahun 2016. Manakala bagi tahun 2017, terdapat sedikit penurunan terhadap laporan kes iaitu sebanyak 1824 kes. Walau bagaimana pun, pengabaian dari sudut hak asasi ini masih menduduki kategori kes yang tertinggi. Penderaan jenis ini mencatatkan rekod yang tinggi hasil campuran bagi kedua-dua jantina kanak-kanak tidak kira lelaki mahu pun perempuan pada setiap tahun. Pengabaian dari aspek hak asasi ini termasuklah ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu telah mengabaikan atau tidak mengambil berat untuk memelihara kanak-kanak dari aspek asasi seperti makanan, pakaian serta tempat berteduh. Penganiayaan ini berlaku disebabkan kesempitan hidup pada zaman yang semakin mencabar ini. Di samping itu, ibu bapa terlibat dengan dadah, judi, kaki botol sehingga mengabaikan keutamaan anak-anak turut menyumbang kepada faktor pengabaian ini.

Lain-Lain Pengabaian

Lain-lain pengabaian merupakan antara kes terendah selepas penderaan emosi menurut jadual statistik penderaan kanak-kanak. Kategori ini merujuk kepada pengabaian secara langsung ataupun tidak langsung seperti kes pembuangan bayi, tidak mendapatkan rawatan untuk kanak-kanak apabila diperlukan serta dimanipulasi dengan menjadikan kanak-kanak sebagai pengemis dan peminta sedekah di jalanan. Pada tahun 2013 dan 2014, catatan sebanyak 276 kes telah dilaporkan manakala pada tahun 2015, berlaku peningkatan dengan jumlah 335 kes. Walau bagaimanapun, pada tahun 2016 dan 2017, angka ini semakin berkurangan dengan catatan 282 kes pada tahun 2016 serta 171 kes pada tahun 2017. Hal ini merupakan petanda baik dan diharapkan ibu bapa atau penjaga terus sedar dan lebih menghargai kanak-kanak daripada diabaikan atau pun dimanipulasikan.

Faktor Penderaan Kanak-Kanak

Menurut Datuk Azizah Mohd Dun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, faktor utama terjadinya kes penderaan kanak-kanak ini adalah disebabkan perbalahan ibu bapa. Rekod daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menunjukkan 3,318 kes penderaan kanak-kanak dari tahun 2012 hingga 2016 telah dilaporkan berlaku dalam keluarga yang sedang mengalami krisis rumah tangga. Kelemahan komunikasi antara ibu dan bapa atau ibu bapa dengan anak-anak adalah antara sebab perbalahan ini berlaku seterusnya menyebabkan kanak-kanak menjadi mangsa melepaskan perasaan marah (Anon 2017; Noor Zulaikha & Ridzuan t.th). Di samping itu faktor pengabaian, masalah kewangan serta tekanan di tempat kerja turut menyumbang kepada terjadinya penderaan. Sebanyak 2,419 jumlah kes penderaan yang telah direkodkan dari tahun 2012 – 2016 adalah disebabkan pengabaian dan kecuaian ibu bapa (Anon 2017; Noor Zulaikha & Ridzuan t.th).

Laporan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut menunjukkan pemangsa sebagai penagih dadah, kaki botol dan judi, gila seks, terlibat dengan jenayah, mengikut teman lelaki, mempunyai masalah mental merupakan faktor yang menyebabkan kanak-kanak didera (JKM 2013-2017). Berdasarkan laporan tersebut, kes penderaan yang berlaku di Malaysia mempunyai hubungan dengan masalah sikap ibu bapa atau penjaga itu sendiri. Kajian yang dilakukan oleh Noremy et al. (2012) mendapati personaliti diri atau sikap ibu bapa merupakan faktor dalaman yang mendorong ibubapa melakukan penderaan fizikal terhadap anak mereka.

Di samping itu, pengetahuan agama yang lemah serta tekanan yang dihadapi oleh ibu bapa dalam kehidupan harian turut menyumbang kepada penderaan kanak-kanak (Noremy et al. 2012, Noor Zulaikha & Ridzuan t.th). Kesan kepada kedua-dua sebab ini saling berhubungkait antara satu sama lain. Tekanan yang dialami jika tidak diurus dengan baik dan tidak disertai dengan penghayatan keimanan akan menyebabkan tindakan luar kawalan. Apabila ini berlaku, ia akan menyebabkan anak-anak menjadi mangsa penderaan. Begitu juga pengalaman trauma ibu atau bapa yang pernah mengalami penderaan semasa mereka kecil boleh menyebabkan golongan ini mengulangi semula perbuatan ibu bapa mereka kepada anak-anak (Noremy et al. 2012). Bagi mereka, pukulan, tendangan mahu pun serangan menggunakan sebarang peralatan yang boleh mencederakan tubuh badan

anak-anak merupakan satu tindakan normal dan tidak salah dalam membesarkan anak-anak kerana mereka juga mengalami perkara yang sama.

Persekutuan tidak sihat untuk kanak-kanak membesar turut menyumbang kepada faktor berlakunya penderaan terhadap kanak-kanak (Noor Zulaikha & Ridzuan t.th). Faktor ini turut dibuktikan melalui laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang menyatakan kediaman tidak selesa merupakan antara sebab penderaan boleh berlaku. Hal ini juga mempunyai hubungan dengan masalah kewangan dan tekanan tempat kerja yang dibawa pulang oleh ibu bapa, apatah lagi ditambah lagi dengan kerensah dan perhatian yang ditagih oleh anak-anak sehingga menyebabkan rumah yang tidak begitu selesa boleh menyebabkan punca kemarahan dilepaskan kepada anak-anak sehingga menyebabkan kecederaan. Faktor ini membawa kita kepada penilaian semula terhadap pemilihan bentuk rumah dan kediaman yang berperanan untuk memberi ketenangan kepada penghuni rumah. Rumah yang kecil dan ekonomi tidak semestinya boleh membawa permasalahan tetapi rumah yang diurus dengan baik dan bijak tidak kira kecil atau besar mampu memberi ketenangan dan keselesaan kepada sesebuah keluarga.

Dari sudut faktor mangsa pula, kanak-kanak yang terdiri daripada anak tidak sah taraf, anak tiri, anak angkat, kanak-kanak cacat, hyperaktif serta dipelihara oleh orang lain semasa kecil adalah antara sebab-sebab mereka didera (JKM 2013-2017). Hakikatnya, kanak-kanak ini tidak bersalah dan tidak sewajarnya didera kerana mereka tidak meminta untuk dilahirkan sedemikian rupa. Setiap kanak-kanak yang lahir mempunyai hak untuk terus hidup dan membesar dengan baik kerana mereka lahir tonggak yang bakal membangunkan negara, bangsa dan agama pada masa akan datang.

PENUTUP

Kesimpulannya, kajian ini memberi pendedahan tentang isu penderaan yang dialami oleh kanak-kanak di Malaysia. Kajian ini juga mencadangkan agar semua pihak mengambil tanggungjawab untuk memberi kesedaran kepada ibubapa dan masyarakat betapa pentingnya melindungi kanak-kanak daripada sebarang penderaan fizikal, emosi, seksual dan pengabaian. Hal ini disebabkan penderaan ini akan memberi kesan yang mendalam kepada proses pembesaran dan pertumbuhan kanak-kanak ke arah menjadi warga yang baik dan masyarakat yang prihatin.

Bagi menangani isu penderaan kanak-kanak di Malaysia, satu garis panduan bagi pembangunan model keluarga sejahtera dan selamat perlu dibangunkan dan dikongsikan kepada masyarakat Malaysia. Garis panduan ini harus diperkayakan dengan elemen pendidikan Islam dan Tauhid bagi membantu masyarakat agar sihat dan sejahtera dalam sesebuah keluarga yang harmoni. Ibu bapa juga perlu berusaha untuk mempelajari ilmu keibubapaan bagi menjadi ibu bapa yang celik ilmu dan berpengetahuan tentang psikologi rumahtangga dan kanak-kanak. Mereka perlu mengambil peluang meningkatkan ilmu mengurus anak-anak dan rumahtangga supaya dapat diperaktiskan dengan baik dalam kehidupan sehari-hari.

Begitu juga pemerkasaan kerohanian dan amalan-amalan keagamaan turut perlu diambil perhatian oleh setiap ibu bapa. Ibu bapa yang mempunyai matlamat yang jelas dalam membina rumahtangga serta menghayati ilmu-ilmu agama pasti mampu mengawal dirinya daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan akhlak yang dianjurkan agama. Malah, amalan seperti berjudi, minum arak serta terlibat dengan jenayah yang menjadi penyumbang kepada faktor penderaan dapat dihindari apabila ilmu agama diperaktikkan dalam kehidupan. Contoh dan tauladan yang baik yang ditunjukkan oleh ibu bapa juga secara tidak langsung mampu mendidik anak-anak ke arah yang lebih baik sekaligus mengelakkan mereka dari menimbulkan masalah yang bakal mengundang penderaan terhadap golongan kanak-kanak yang baru mengenali asam garam kehidupan.

Dalam masa yang sama, penguatkuasaan undang-undang serta penubuhan Mahkamah Khas Jenayah baru-baru ini bagi membicarakan isu-isu melibatkan penderaan kanak-kanak di samping Mahkamah Kanak-kanak di negeri-negeri yang dijalankan oleh pihak kerajaan harus dipuji dan wajar diteruskan agar menjadi pengajaran buat ibu bapa yang terlibat serta menjadi pedoman buat masyarakat. Walau bagaimanapun, usaha-usaha yang dinyatakan di atas turut wajar diberikan perhatian sebaiknya dalam merawat punca sebelum terjadinya kes-kes penderaan ini. Diharapkan kajian ini dapat dimanfaatkan sebaiknya dan membuka mata masyarakat serta diambil perhatian oleh pihak berautoriti. Dengan gandingan pelbagai usaha daripada semua pihak untuk menangani masalah ini, diharap kesejahteraan masa depan negara, bangsa dan agama dapat dicapai menerusi keluarga yang sejahtera sebagai pendokongnya.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Kerajaan Negeri Selangor yang menaja penyelidikan yang bertajuk Indikator Keluarga Sejahtera Dalam Kalangan Keluarga di Negeri Selangor di bawah Geran Pembangunan dan Penyelidikan Sains, Teknologi dan Inovasi (GPPSTI), Negeri Selangor (KUIS/GPPSTI/2017/001).

RUJUKAN

Akta Kanak-Kanak 2001.

Abdul Halim Al-Muhammadi. (1991). *Pendidikan Islam ; Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Selangor : Dewan Pustaka Islam.

- Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazali. (2007). *Kimiya-e Saadat the Alchemy of Happiness*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Alavi, K., Aizan Sofia Amin, Subhi, N., Mohamad, M. S. & Sarnon, N. (2012). Kerja Sosial di Sekolah: Memahami dan Menangani Penderaan Kanak-Kanak. *Jurnal e-Bangi*, Jilid 7, Bilangan 1, Ms 17-37.
- Anon. (2017). 4,652 kes penderaan libatkan kanak-kanak dlm. *Utusan Malaysia*. 17 Mac 2017.
<http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/4-652-kes-penderaan-libatkan-kanak-kanak-1.458091#nav-allsections>
- Hanifah Sazali. (2010). *Pendidikan Awal Kanak-Kanak Menurut Al-Qur'an: Pelaksanaan Di Pusat Pendidikan Pra Sekolah Di Bandar Triang, Pahang*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2013-2017). *Buku Laporan Statistik Malaysia*.
- Kasmini Kassim. (1998). *Penderaan Emosi Kanak-kanak: Trauma Terselindung*, Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (t.t). *Portal MyHEALTH*. <http://www.myhealth.gov.my/>
- Muhammed Sharif Mustaffa & Nur Diyana Abd Rahim. (2012). Kesan Psikologi dan Bentuk Sokongan Anak Deraan Seksual. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, Jilid 6 Jun 2012, Ms 30-49.
- Noraini M. Noor, Anjli Doshi Gandhi, Ismahalil Ishak & Saodah Wok. (2012). Development of Indicators for Family Well-Being in Malaysia. Social Indicators Research, *An International and Interdisciplinary Journal for Quality-of-Life Measurement*. Netherlands : Springer.
- Norazla Abdul Wahab. (2017). Mahkamah Jenayah Khas: Pendekatan Inovatif dalam Menangani Jenayah Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak dlm *4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017) Proceeding*, Institut Latihan Malaysia (ILIM) Bangi, 7 September 2017.
- Noremy Md. Akhir, Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, M. Suhaimi Mohamad & Nazirah Hassan. (2012). Hubungan Faktor Dalaman Penderaan Fizikal Terhadap Kanak-Kanak Oleh Ibubapa dlm *Jurnal e-Bangi*, Vol. 7, No. 1, Ms 1-14.
- Noorjannah. (2014). *Intervensi Penderaan Kanak-Kanak : Penderaan Emosi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Noor Zulaikha & Ridzuan Hussin. (t.th). *Penilaian Terhadap Penderaan Kanak-Kanak Di Malaysia: Satu Kajian Kes Di Enam Buah Negeri*. Tanjung Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pathmanathan & Siti Hajar. (2010). *Implementasi Hak Kanak-Kanak (CRC) di Rumah Kanak-Kanak : Dapatkan Rajian Rintis*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya
- Ulwani, Abdullah Nasih. (t.th). *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam*. Jilid 1. Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- UNICEF. (2010). Penderaan Kanak-Kanak Sekilas Pandang. *Fact Sheet*. www.uniteagainstabuse.my
- Zainab Abd Salam. (2008). *Inayah al-Quran biHukuk al-Insan*. Jilid 1. Kaherah : Dar al- Hadis.
- Zasmani Shafiee. (2003). Remaja bermasalah - Ibu bapa gagal main peranan dlm *Utusan Malaysia*. Oktober 2003.
http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1011&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_04.htm